

MOSCOW tingkat eksport hasil laut ke Beijing

BH · 27/06/23

mis 23

Moscow: Russia berharap dapat meningkatkan eksport hasil laut ke China susulan larangan China terhadap import makanan laut Jepun kerana pelepasan air radioaktif terawat daripada loji kuasa nuklear Fukushima ke laut.

Russia antara pembekal hasil laut terbesar untuk China, dengan 894 syarikat negara itu

dibenarkan mengeksport makanan laut.

Badan pemerhati keselamatan makanan Russia, Rosselkhoznadzor, berkata pihaknya sedang berusaha untuk menambah bilangan pengeksport.

China mengharamkan beberapa import makanan dari Jepun berikutan kebimbangan mengenai risiko pencemaran radioaktif

selepas Jepun mula melepaskan sisa air nuklear terawat.

China menjadi pembeli untuk lebih separuh eksport produk laut Russia antara Januari dan Ogos.

Russia mengeksport 2.3 juta tan hasil laut tahun lalu bernilai kira-kira AS\$6.1 bilion, kira-kira separuh daripada tangkapan keseluruhannya, dengan China,

Korea Selatan dan Jepun menjadi pengimport terbesar, menurut agensi perikanan Russia.

Jepun berkata, kritikan Russia dan China tidak disokong oleh bukti saintifik dan tahap pencemaran dalam air berada di bawah paras yang dianggap selamat untuk diminum mengikut piawaian Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Rosselkhoznadzor berkata, mereka mengetatkan saringan import makanan laut Jepun walaupun jumlah import tidak banyak.

Badan itu juga mengetatkan kawalan radiologi makanan laut yang ditangkap di perairan Russia berdekatan Fukushima dan akan menguji sampel terpilih untuk menguji tahap radiasi.

REUTERS